

# Ideologi Keganasan DAESH dan Cabaran Perpaduan serta Keharmonian Negara

**BITARA**

Volume 2, Issue 2, 2019: 083-095  
© The Author(s) 2019  
e-ISSN: 2600-9080  
<http://www.bitarajournal.com>

## [The ideology of the DAESH Violence and the Challenge of National Unity and Harmony]

Syafawani Mohd Hashim & Wan Fariza Alyati Wan Zakaria<sup>1</sup>

### Abstrak

Kemunculan DAESH atau lebih dikenali sebagai ISIS (Islamic State of Iraq and Syria) telah mencetuskan fenomena baru dalam dunia hari ini. Walaupun masyarakat antarabangsa sudah sekian lama berdepan dengan Islamofobia terutama selepas peristiwa 11 September 2001 dengan pengeboman bangunan di Amerika, namun kemunculan DAESH sejak 2014 telah meningkatkan Islamofobia di seluruh dunia. Kejayaan DAESH mencetuskan kegerutan atau ketakutan dari satu segi, dan dari segi yang lain menarik sokongan segelintir besar golongan muda dalam jihad global atau Global Islamisme merupakan sesuatu yang di luar kebiasaan. Hal ini tidaklah berlaku secara rawak atau kebetulan, bahkan sebenarnya berdasarkan propaganda terancang serta strategi yang sistematik di pihak DAESH yang menyebabkan ancamannya bukanlah sesuatu yang boleh dipandang remeh atau boleh dikesampingkan lantaran ia belum menerjah ke pintu rumah kita. Hakikatnya, perkembangan DAESH berdiri di atas ideologi yang ekstrem berkenaan konsep tauhid dan jihad. Konsep ekstrem ini bertentangan dengan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah yang bersifat wasatiyyah. Justeru, dalam konteks Malaysia, kesinambungan pegangan terhadap akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah adalah penting bagi kelangsungan keamanan dan keharmonian dalam masyarakat yang berbilang kaum dan agama.

### Kata Kunci

DAESH; Malaysia; ideologi; punca; jihadisme

### Abstract

The rapid development of DAESH or better known as ISIS (Islamic State of Iraq and Syria) has given rise to a new trend in the world today. Although the international community has been trying to deal with Islamophobia for a long time, especially following the events of 11 September 2001 with the bombing of American buildings, the emergence of DAESH has intensified Islamophobia worldwide since 2014. The achievement of DAESH, on the one hand, caused paranoia or fear and, on the other, drew the participation of a large number of young people in a global jihad or global Islamism that is unprecedented. This does not happen spontaneously or coincidentally, in fact, it is based on DAESH's well-planned propaganda and systemic strategy that the threat is not anything to be underestimated or ignored because it has not yet reached our doorstep. In reality, the creation of DAESH is focused on the radical ideology of monotheism and jihad. This radical idea is contradictory to the moderate values of Sunni worshipers. In the Malaysian context, therefore, the persistence of the grip on Sunnis' beliefs is key to the survival of peace and harmony in the multiracial and religious communities.

### Keywords

DAESH; Malaysia; ideology; cause; jihadism

<sup>1</sup> Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor, Malaysia.

#### Corresponding Author:

Wan Fariza Alyati Wan Zakaria, Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor, Malaysia.  
E-mail: aufaa@ukm.edu.my

**Cite This Article:**

Syafawani Mohd Hashim & Wan Fariza Alyati Wan Zakaria. 2019. Ideologi keganasan DAESH dan cabaran perpaduan serta keharmonian negara. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 2(2): 083-095.

## Pengenalan

Dalam kajian The Hague Centre for Strategic Studies (2011) tentang tabii konflik masa depan (Future Nature of Conflict) yang meliputi domain Bahasa Arab, China, Bahasa Inggeris dan Russia menunjukkan bahawa domain Bahasa Arab yang meliputi negara-negara Timur Tengah merupakan kawasan yang paling lemah dalam kajian tentang konflik, sedangkan hakikatnya kawasan inilah yang paling banyak bergolak. Kajian ini memetik hasil kajian kedoktoran penulis bahawa punca yang menyebabkan kurangnya kajian mengenai masa depan salah satunya berkait dengan teologi, iaitu salah faham berkenaan konsep masa dan takdir (Wan Fariza Alyati Wan Zakaria 2010). Kajian The Hague ini juga menyimpulkan tentang kemunculan aktor-aktor baru dalam konflik masa depan dalam bentuk organisasi teroris dan negara-negara bergolak. Tidak lama setelah ramalan yang dirumuskan oleh kajian The Hague tersebut, dunia menyaksikan kemunculan DAESH pada Jun 2014 setelah pengisytiharan kekhilifahan Abu Bakr al-Baghdadi serta terasasnya Islamic State (IS). Justeru DAESH yang dikenali sekarang adalah merujuk kepada kumpulan yang mengenalkan diri mereka sebagai IS (Islamic State) (Bill Rogio, 29 Jun 2014).

## Siapakah DAESH?

Menurut Faisal Irshaid (BBC Monitoring, 2 Disember 2015), DAESH adalah kumpulan militan yang mengawal sebahagian besar wilayah di Syria dan Iraq yang kadang-kadang disebut dengan nama yang berbeza oleh negara-negara dan media berbahasa Inggeris. Kumpulan ini yang juga telah melahirkan ahli gabungan di pelbagai kawasan di Timur Tengah, Afrika dan Asia. Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dan pegawai-pegawai Amerika Syarikat secara umumnya menggunakan ‘ISIL’, iaitu singkatan kepada ‘Islamic State in Iraq and Levant’. Kumpulan ini sendiri tidak menggunakan nama tersebut semasa pengisytiharan penubuhan khalifah pada Jun 2014. Penggunaan ISIL kemudiannya diringkaskan kepada ‘Islamic State’ (IS) untuk mencerminkan cita-cita perluasan kuasa dan wilayah kumpulan ini, seperti oleh BBC News sendiri.

Walau bagaimanapun, pihak media terus juga menggunakan ‘ISIL’ (Islamic State of Iraq and the Levant) atau ‘ISIS’ (Islamic State of Iraq and Syria atau Islamic State of Iraq and al-Sham) iaitu nama lain yang digunakan secara meluas bagi kumpulan ini atau terjemahannya ‘Negara Islam di Iraq dan Syria’ atau ‘Negara Islam Iraq dan alSham’. Namun istilah ‘DAESH’ (atau Da’ish) juga telah mendapat tempat sama ada di Timur Tengah atau di Barat, dan telah digunakan sebagai satu cara untuk mencabar kesahihan kumpulan itu kerana konotasinya yang negatif. DAESH pada asasnya merupakan akronim Bahasa Arab yang terbentuk daripada huruf awal nama kumpulan itu dalam bahasa Arab - ‘al-Dawla al-Islamiyah fil Iraq wa alSham’.

Walaupun ia tidak mempunyai makna tertentu dalam bahasa Arab, bahkan bunyinya tidak menyenangkan dan penyokong kumpulan itu membantah penggunaan nama tersebut. DAESH juga berbunyi sama dengan kata kerja bahasa Arab yang bermakna mengganggu, menginjak-injak, atau menghancurkan sesuatu (Faisal Irshaid 2015). Shiraz Maher (2016) dalam Salafi-Jihadism: a History of an Idea menyatakan bahawa Islamic State (DAESH) adalah suatu pergerakan Salafi Jihadi yang dianggap ekstrem kerana pandangan konservatif dan penggunaan keganasan dalam perjuangan mereka. Justeru, walaupun kekalahan DAESH di Wilayah Raqqa, Syria dalam perperangan pada tahun 2017 menunjukkan kejatuhan kumpulan ini dan perubahan strategi kepada perperangan gerila, namun faktor ideologi Salafi-Jihadi akan terus menjadi penggerak kepada kelangsungan dan survival kumpulan ini pada masa mendatang.


## **Apakah Ancaman DAESH Kepada Islam dan Dunia Umumnya?**

Ancaman DAESH boleh dilihat daripada dua sudut iaitu pertama kepada umat Islam dan kedua kepada dunia secara umum. Ancaman sebenar DAESH ialah kepada umat Islam kerana kesan besar propaganda DAESH ialah peningkatan radikalasi di kalangan umat Islam, khususnya dalam kalangan generasi muda. Radikalasi adalah suatu proses individu atau kumpulan yang meninggalkan amalan dialog, kompromi dan toleransi di antara aktor-aktor politik dan kumpulan-kumpulan yang terdiri daripada pelbagai kepentingan sama ada oleh satu pihak atau kedua-dua pihak yang berada dalam situasi polarisasi politik, kerana memilih untuk mengambil taktik konfrontasi ala perang. Taktik-taktik ini boleh meliputi penggunaan tekanan (tanpa keganasan) atau paksaan, dan juga pelbagai bentuk keganasan politik selain tindakan-tindakan keganasan melampau dalam bentuk terorisme dan jenayah perang. Proses radikalasi ini biasanya terbina daripada sosialisasi ideologi yang jauh daripada arus perdana atau status-quo dan penerimaan mobilisasi politik di luar tatacara politik yang dominan dalam sistem sedia ada yang dianggap tidak lagi sesuai atau sah (Alex Schmid 2015).

Menurut Leftenan Kolonel Sazali Sukardi (2016), proses radikalasi ini adalah suatu proses psikologi yang berlangsung secara berperingkat menerusi indoktrinasi ideologi. Dalam konteks ini, seseorang individu yang pada asalnya sederhana dari segi tingkah laku, pemikiran dan cara hidup kemudiannya secara beransur-ansur mengalami perubahan psikologi akibat pendedahan dan pengaruh daripada persekitaran, ataupun daripada pengaruh media terutama media sosial tentang jihad, perjuangan menegakkan Negara Islam dan khilafah sehingga menjadi bersimpati (sympathiser) kepada kumpulan tersebut. Pendedahan yang berterusan sama ada melalui media serta pengaruh rakan-rakan sefikrah akan menyebabkan individu terbabit menjadi penyokong dan ini menjadi titik mula radikalasi yang lebih jelas dalam pemikiran dan tindakan individu tersebut. Status penyokong ini kemudiannya akan berubah menjadi pendokong atau pekerja/petugas/'amilin dalam melaksanakan agenda kumpulan tersebut hasil proses indoktrinasi sama ada secara langsung (melalui program atau aktiviti kumpulan dalam bentuk usrah dan sebagainya) maupun dalam bentuk tidak langsung melalui media sosial.


Ciri utama golongan petugas atau 'amilin ini adalah komitmen dan ketiautan yang tinggi (*wala'*) kepada ketua atau kepimpinan kumpulan dan apabila agenda kumpulan menjadi sebat dalam diri sehingga menjadi agenda dan misi peribadi maka pada tahap ini individu tersebut

boleh dikategorikan sebagai teroris kerana ketaksuhan yang akan memungkinkan mereka menghalalkan apa jua tindakan atas nama ideologi yang didokongi. Justifikasi agama digunakan bagi mengesahkan tindakan-tindakan ganas, justeru terorisme ini menjadi suatu doktrin yang diterima oleh kumpulan DAESH. Keberkesanan taktik menimbulkan ketakutan (terror) serta keganasan politik yang dilakukan secara paksaan tanpa ada kawalan undang-undang atau moral, selain menjadikan orang awam dan bukan tentera sebagai target dilakukan oleh kumpulan ini untuk tujuan propaganda dan perang psikologi (*psywar atau psychological warfare*) terhadap pelbagai khalayak dan pihak-pihak yang berkonflik. Pada tahap ini, akal yang waras tidak dapat lagi berfungsi bagi membezakan nilai Islam yang sebenar yang menganjurkan kedamaian, kesejahteraan dan kebaikan dengan nilai-nilai jahiliyyah, kerana ciri utama pada jahiliyyah adalah kejahilan yang menyebabkan sesuatu kelompok atau individu menolak kebenaran kerana bertentangan dengan pandangan sendiri. Ketaksuhan yang meninggalkan pertimbangan akal ini tidak dapat lagi melihat hakikat kejahanatan dan kebejatan pada nilai-nilai kumpulan sebaliknya sanggup mempertahankan kumpulan, misi dan agenda kumpulan dengan darah sekalipun.



Rajah 1: Proses radikalisasi secara psikologi

Proses psikologi ini adalah suatu proses perubahan paradigma pemikiran atau kognitif yang melibatkan pelbagai faktor-faktor penarik kepada radikalasi, ekstremisme dan terorisme dalam kalangan individu seperti ideologi yang ekstrem, penonjolan pemimpin yang karismatik, kewujudan kumpulan militan tempatan yang menyokong gagasan yang sama atau sebagai medium perantaraan, imej heroisme yang ditonjolkan melalui perjuangan ‘jihad’ melawan pihak-pihak yang dilabel sebagai zalim, selain faktor pengiktirafan diri yang didapati hasil penyertaan dalam gerakan militan serta janji syurga sekiranya terkorban dalam perjuangan ‘jihad’ mereka – semuanya ini dipakejkan secara yang menarik dalam publisiti yang mudah diakses oleh golongan sasaran terutama generasi muda yang memang dikenal sebagai generasi gajet. Secara umumnya, faktor penarik ini adalah unsur-unsur luar yang menarik seseorang individu dalam proses indoktrinasi dan sosialisasi ideologi. Faktor-faktor tersebut dapat digambarkan seperti Rajah 2 di bawah:



Rajah 2: Faktor-faktor Penarik kepada Radikalisaſi (Alex Schmid 2015)


Dalam penulisan Asta Maskaliūnaitė berjudul *Exploring the Theories of Radicalization*, beliau menjelaskan pakar kajian terorisme seperti Randy Borum membezakan proses radikalisaſi berdasarkan konteks individu, kumpulan, rangkaian, organisasi, gerakan massa, sosio-budaya, dan antarabangsa/antara negeri, dan kemudiannya memberi tumpuan kepada pergerakan sosial, psikologi sosial dan teori-teori konversi. Teori-teori tersebut mengambilkira potensi sumbangsan pendekatan sosio-psikologi dan psikologi. Dari segi teori kognitif sosial, ia adalah satu teori yang menjelaskan tentang bagaimana perlakuan manusia telah dibentuk hasil daripada pengaruh persekitaran dan juga media massa. Teori yang diperkenalkan oleh Albert Bandura ini terdiri daripada tiga faktor yang saling berkaitan. Tiga faktor tersebut ialah persekitaran, kerangka kognitif (peribadi) dan tingkah laku. Simpati (Sympathiser) Penyokong (Supporter) Pekerja/Amilin (Workers - extremist) Pendokong ('Jihadist' - terrorist) Ideologi ekstrem pemimpin karismatik militan tempatan imej heroisme kesan publisiti pengiktirafan diri janji syurga Menurut Albert Bandura (1982), ketiga-tiga faktor ini saling berkaitan dalam membentuk tingkah laku dan peribadi manusia. Justeru, dalam konteks DAESH, proses radikalisaſi ini boleh dihubungkan dengan teori kognitif sosial yang menggabungkan pengaruh kerangka kognitif peribadi, faktor persekitaran serta tingkah laku yang menghasilkan tindakan menyertai kumpulan tersebut.



Rajah 3: Aplikasi teori kognitif sosial Albert Bandura (1982) dalam proses radikalasi


## Ideologi DAESH dan Intipati Propaganda

Kejayaan DAESH membina pengaruh dan menarik sokongan golongan muda Muslim terletak kepada pemahaman mereka terhadap konteks yang dialami oleh generasi baru Muslim terutama selepas era Arab Spring pada 2013. Kekecewaan generasi muda Muslim di dunia Arab, terutamanya selepas berlakunya kebangkitan ialah keadaan dunia Islam yang tidak berubah, walaupun kelihatannya ada harapan semasa peringkat awal kemunculan fenomena Arab Spring namun momentum perubahan yang diharapkan masih jauh dari kenyataan, walaupun setelah beberapa pemimpin Arab yang dianggap korup dan zalim telahpun berjaya dijatuhkan. Dalam masa yang sama, hakikat bahawa isu Palestin masih belum lagi dapat dinuktahkan, bahkan keadaan umat Islam tidak menjadi semakin baik walaupun setelah kebangkitan berlaku menyebabkan kekecewaan yang berterusan dan tawaran penyelesaian model DAESH yang menggunakan slogan jihad kelihatan begitu meyakinkan dan memberi harapan baru dalam bentuk visi pembinaan masyarakat Islam yang unggul dengan mengembalikan semula pemerintahan khilafah bagi menggantikan sebilangan pemimpin-pemimpin korup di Negara-negara Arab dan juga pelaksanaan undang-undang syariah. Faktor-faktor ini pada hakikatnya menjadi penolak kepada radikalasi, ekstremisme dan terorisme dalam kalangan individu yang terpengaruh dengan kumpulan militan DAESH. Secara lebih khusus, faktor-faktor dalam ini adalah berpunca daripada pelbagai sebab yang dapat dijelaskan seperti Rajah 4 di bawah:



Rajah 4: Faktor-faktor Penolak Proses Radikalasi(Alex Schmid 2015)

Tawaran syahid bagi merealisasikan visi tersebut amat kuat kesannya kepada jiwa golongan muda yang inginkan sesuatu yang konkret. Syahid sebagai pencapaian tertinggi atau menang melalui kempen perluasan khilafah sebagai agenda jihad DAESH terhadap umat Islam yang menentang dan juga golongan bukan Islam. Dualiti sasaran dan juga kaedah DAESH disempurnakan dengan menggunakan komunikasi internet melalui media sosial dan juga video-video pendek ala filem Hollywood yang menggunakan kesan dan pengaruh visual untuk menarik pengaruh khalayak yang menjadi sasaran propaganda mereka dan dalam masa yang sama merendah-rendahkan kaum bukan Islam dan juga kuasa-kuasa besar (Oliver Hahn 2016). Elemen media ini digunakan secara optimum untuk mencipta berita, sekali gus menyampaikan mesej kepada sasaran mereka melalui orientasi terhadap peristiwa seperti penculikan wartawan asing, mewujudkan konflik serta memaparkan elemen negatif bahkan ganas untuk menarik perhatian massa. Penggunaan media internet memberi kelebihan kepada DAESH dari segi (i) menarik sokongan dan pengikut; (ii) mengumpul dana untuk tujuan mereka (iii) melakukan risikan terhadap musuh mereka seperti laman sesawang kerajaan dan sebagainya (iv) mengetahui cara membuat bom (v) membolehkan mereka mensabotaj atau menyerang infrastruktur Negara yang bergantung kepada teknologi telekomunikasi (Alex Schmid 2015). Secara umumnya, faktor-faktor yang mempengaruhi kejayaan propaganda DAESH dapat dijelaskan sebagaimana berikut:



Rajah 5: Faktor-faktor kejayaan propaganda DAESH

Faktor-faktor yang dibincangkan di atas bukanlah sesuatu yang dapat ditolak kerana peranannya sangat signifikan dalam melahirkan sokongan kepada propaganda DAESH, sekaligus menjadi punca kejayaan propaganda mereka. Kekecewaan yang dialami oleh umat Islam, khususnya generasi muda bukanlah sesuatu yang baru berlaku. Ia muncul hasil daripada keadaan-keadaan yang wujud dan berlaku dalam masyarakat Islam sendiri terutama kemunduran, kemiskinan dan lunturnya keadilan sosial dan ekonomi serta sistem pemerintahan dan pentadbiran yang korup. Kekecewaan adalah perasaan dalaman yang diakibatkan oleh suasana persekitaran dalam masyarakat dan negara. Perasaan kecewa ini mewujudkan kelompongan yang besar yang kemudianya menjadi terisi dengan munculnya faktor kedua dan ketiga iaitu visi negara khilafah sebagai satu gagasan politik Pan Islamis yang merentasi sempadan bangsa dan negara serta misi jihad sebagai kaedah untuk merealisasikan visi tersebut. Dasar kepada visi dan misi DAESH ini dapat dirujuk kepada dasar ideologi mereka yang menjadikan Islam sebagai modal sosial dan budaya serta kepercayaan mereka yang dikaitkan dengan pemahaman dan pentafsiran mereka yang menyeleweng terhadap Qur'an dan hadith. Identifikasi Islam yang digunakan melalui pembinaan imej yang 'Islamik' dari segi pakaian terutamanya memberi mesej visual yang kuat sama ada kepada khalayak Muslim yang menilainya sebagai 'pakaian agama' dan juga kepada khalayak bukan Islam. Selain itu, DAESH juga menggunakan sejarah Islam dengan mengaitkan perjuangan mereka dengan golongan salaf. Kejahilan masyarakat terhadap Islam terutama bentuk-bentuk ideologi dan aliran-aliran yang menyeleweng daripada pentafsiran Islam yang benar dan sahih berdasarkan akidah Ahli Sunnah Waljamaah ini mempunyai kesan yang sangat besar. Masyarakat awam dalam kalangan umat Islam tidak dapat membezakan ciri Islam yang sebenar, yang khusus dan istimewa, nilai-nilai dan pandangan dunianya dengan golongan yang mendakwa mereka pejuang Islam seperti DAESH.

## Teologi Pembebasan dalam Jihad DAESH

Ideologi DAESH berkaitan dengan tauhid dan jihad datangnya dari gerakan *salafi jihādi*. Secara umumnya, *salaf* atau *salafiyah* bermaksud generasi Islam lama. Golongan Salafi Jihadi ini mahu umat Islam kembali kepada al-Quran dan sunnah, memurnikan akidah serta menolak bida'ah dan mempunyai matlamat dakwah untuk menegakkan daulah Islam dengan menggunakan kaedah jihad *qital* (perang) serta tidak ragu-ragu mengkafirkan pemerintah Islam yang tidak menegakkan hukum syariah di dalam sesbuah negara. Mereka mengambil makna secara literal dalam memahami ayatayat Al-Quran dan Al-Sunnah. Mereka juga mengamalkan doktrin takfiri terhadap golongan yang mereka anggap sebagai pengamal syirik, bid'ah, sesat. Mereka memusnahkan makam-makam Nabi dan wali Allah S.W.T untuk menghapuskan amalan bertawasul dan bertaburruk yang dianggap mencatutkan tauhid uluhīyyah.

Jihad '*qital*' atau jihad peperangan adalah satu-satunya jalan untuk menegakkan sebuah khilafah Islamiyyah. Justeru jihad memerlukan hijrah dan wajib memerangi serta membunuh kafir harbi dan umat Islam yang telah murtad iaitu mereka yang tidak menyertai gerakan. Gagasan politik selain daripada gagasan Islam adalah tidak sah, *hukumiyyah* (pemerintahan) adalah hak Allah maka pemerintah yang tidak melaksanakan hukum Islam wajib dibunuh.

DAESH membawa mesej pembebasan Islam melalui akidah salafi jihadi yang menganggap jihad adalah jalan pembebasan yakni membebaskan diri daripada taghut melalui prinsip *al-wala' wa al-barra'*. Prinsip ini menyimpulkan bahawa kesetiaan (*al-wala'*) kepada Allah bermakna mencintai Allah dan berjuang untuk agama-Nya, juga mengasihi orang-orang yang taat kepada-Nya dan memberi bantuan kepada mereka. Al-Wala' juga bererti benci kerana Allah iaitu merasa marah pada musuh-musuh Allah dan perjuangan menentang mereka. Kerana itu DAESH menganggap bahawa kumpulan mereka sebagai 'Parti Allah' dan pihak yang menentang mereka, termasuk musuh-musuh Islam serta umat Islam yang dianggap murtad kerana tunduk kepada *taghut* dianggap sebagai 'Parti Syaitan'. Mereka menjustifikasi pandangan ini berdasarkan ayat al-Qur'an dalam surah al-Baqarah 2:257 yang bermaksud: 'Allah Maha penjaga melindungi orang-orang yang beriman. Dia membawa mereka keluar daripada kegelapan (kekafiran) kepada cahaya (iman). Dan orang-orang yang kafir, pelindungpelindung mereka ialah syaitan, yang mengeluarkan mereka daripada cahaya kepada kegelapan. Mereka itu adalah penghuni neraka; mereka kekal di dalamnya.' Mereka merujuk ayat yang lain (4:76): 'Orang-orang yang beriman mereka itu berjuang pada jalan Allah; dan orang-orang yang kafir berjuang di jalan taghut, sebab itu perangilah kawan-kawan syaitan itu, kerana sesungguhnya tipu daya syaitan itu adalah lemah.'

Teologi pembebasan melalui jihad ini juga adalah bertujuan untuk membebaskan Negara Islam daripada pemimpin taghut dan zalim, dan mengeluarkan umat Islam daripada sistem taghut iaitu demokrasi kepada sistem khilafah yang dianggap suci dan mulia. Selain itu, bagi golongan wanita DAESH, doktrin *al-wala' wa al-barra'* membebaskan mereka daripada ketaatan kepada ibu bapa dan keluarga yang mereka anggap tidak mengamalkan Islam dan murtad, selain membebaskan mereka daripada kejahatan jahiliyyah moden Barat yang mencabuli kehormatan wanita. Galakan terhadap wanita supaya berjihad dan membantu operasi jihad memberi kuasa dan juga akses kepada wanita bagi mendapat pengaruh yang kuat terhadap perkembangan generasi jihadis masa kini dan masa depan.

Definisi pembebasan wanita ini menyanggah definisi kebebasan Barat dan membina citacita dan mengupayakan individu. Pemahaman kebebasan seumpama ini sebenarnya berdasarkan pandangan Muktazilah mengenai perbuatan makhluk. Pandangan ini juga yang dipegang oleh kaum zionis masa kini yang menganggap kerajaan Tuhan (Kingdom of God) perlu diwujudkan dengan usaha tangan manusia dan bukannya kurniaan Tuhan atau God given sebagaimana pandangan Yahudi Ortodoks. Justeru ideologi DAESH mendakwa membawa kepada kebebasan Islam sejati namun pada hakikatnya memandang saudara seIslam yang lain sebagai kafir atau murtad jika tidak bersetuju atau sefahaman dengan mereka. Sikap keras seperti terhadap saudara seIslam dan juga terhadap golongan bukan Islam sehingga membawa bukan sahaja perpecahan bahkan lebih dahsyat lagi, kehancuran, peperangan dan kerosakan. Semua ini bukan daripada ajaran Islam sebenar, dan DAESH adalah antagonis kepada Islam.

## Diskusi

Kemunculan DAESH pada peringkat awalnya dipandang sebagaimana gerakan pelampau dan militan Islam yang lain – Al-Qaeda, Abu Sayyaf, Boko Haram dan sebagainya. Namun, peningkatan pengaruh DAESH dalam kalangan segelintir golongan muda Islam serta keganasan-keganasan yang dipaparkan melalui media sosial seperti youtube menyebabkan ia menjadi ancaman besar kepada Islam dan umat sendiri, terutama dengan meningkatnya Islamofobia dalam kalangan masyarakat dunia hari ini. Selain itu, ancaman demi ancaman keganasan di serata dunia termasuk di dunia Islam mengejutkan umat Islam bahawa masalah DAESH bukanlah masalah pinggiran dan masalah umat Arab. Ia adalah masalah yang berpunca daripada sejarah dan pemahaman umat Islam terhadap ajaran agamanya sendiri yang menuntut kepada i) penilaian yang serius terhadap kandungan pengajian agama Islam itu sendiri dan ii) penyusunan pemikiran dan tindakan yang lebih terarah atau strategik dalam menangani golongan DAESH lantaran ia bukanlah suatu ancaman yang bersifat lokal ataupun secara kebetulan. Ia menuntut umat Islam bermuhasabah terhadap perkara-perkara yang fundamental dalam ajaran Islam seperti akidah, syariah dan akhlak serta pemahaman tentang identiti diri sebagai Muslim serta matlamat dan tujuan sebagai seorang Muslim. Ia juga menuntut pemahaman sebenar tentang konsep-konsep seperti jihad, Negara Islam dan konsep khilafah. Hal ini berkait dengan kandungan naratif, manakala dari segi pendekatan mahupun medium mengkomunikasikan naratif ini juga perlu selari dengan tuntutan semasa dan generasi baru.

Walaupun sasaran propaganda adalah berbeza, tema propaganda yang juga berbeza, namun mesej yang dibawa secara jelas oleh DAESH ialah tentang KUASA. Bagi masyarakat Islam, kekuasaan Islam akan dibina kembali dengan terbinanya pemerintahan Islam atau khilafah Islamiyyah (Negara Islam) melalui satu sahaja jalan, iaitu jihad peperangan. Ia dilakukan secara ofensif melalui perluasan wilayah yang dikuasai DAESH berdasarkan model zaman abad pertengahan. Jihad bukan lagi difahami sebagai defensive war bagi mempertahankan tanah air Islam dan akidah. Satu-satu jalan jihad ialah mengangkat senjata, justeru mesej ini dikomunikasikan secara jelas melalui latihan ketenteraan dan sebagainya yang menunjukkan kepada KEKUASAAN dan KEKUATAN. Mesej ini sangat memberi kesan kepada jiwa umat Islam yang telah lama ditindas, justeru ia membangkitkan semangat untuk berjuang dan memberi sokongan kepada DAESH dan menjustifikasi keganasan atas nama

memerangi kezaliman, membala kekejaman yang telahpun dialami oleh umat Islam sekitar lama (*victimhood*) dan menimbulkan rasa kemenangan (*heroism and glory*).

Demikian juga kepada non-Muslim melalui tindakan keganasan dan ancaman yang menimbulkan ketakutan yang mesejnya juga sebenarnya tentang KUASA. Hanya orang atau pihak yang berkuasa sahaja yang mampu mengenakan keganasan terhadap pihak lain dan seterusnya menimbulkan ketakutan kerana wujudnya elemen KUASA. Propaganda atau perang psikologi ini walaupun dari satu sisi menimbulkan Islamofobia, tetapi dari sisi yang lain mencetuskan pula kegeruan kepada KUASA Islam dan kesannya rasa tidak berdaya menghadapi KUASA tersebut. Ironinya, DAESH sebagai suatu bentuk kumpulan militan telah berjaya menembusi hati dan minda generasi muda Islam yang kehausan panduan sebenar tentang sifat Islam yang mendamaikan dan memberi rahmat kepada seluruh alam. Islam yang dibawa oleh Baginda Rasulullah SAW bukanlah menawarkan KUASA apatah lagi berjuang untuk mendapat KUASA. Mesej Islam sebenar adalah keamanan dan kesejahteraan hidup di dunia dan di akhirat. Justeru, umat Islam perlu berpegang kepada manhaj Islam yang berteraskan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah sebagai manhaj yang benar, seimbang dan wasatiyyah. Manhaj ini yang menjadikan perpaduan dan tasamuh sebagai teras, tidak melampau sehingga menjadi fitnah kepada Islam (*Islamophobia*), tidak pula terlalu meringanringankan sehingga agama hanya tinggal pada yang essential semata-mata (*aliran essentialist/liberal*); bahkan ia adalah manhaj yang berada di pertengahan antara dua kontinum yang terkeluar daripada sifat sebenar Islam sebagai din al-fitrah.

Ahli Sunnah Wal Jamaah ialah golongan yang menerima ajaran dan amalan yang berasal daripada Nabi s.a.w. dan para Sahabatnya sebagaimana yang ternyata daripada hadith yang menyebut umat Islam akan berpecah kepada 73 golongan, yang selamat hanya satu, iaitu mereka yang dipanggil sebagai jemaah yang selamat dan benar, yang berpegang kepada dasar hidup Nabi dan para sahabatnya ('Uthman el-Muhammady 2011). Osman Bakar (1998) dalam *The Classification of Knowledge* menjelaskan bahawa dasar dan amalan ini kemudiannya berkembang di kalangan para ulama Ahli Sunnah dalam pelbagai disiplin ilmu, yang dihuraikan oleh tokoh-tokoh dalam bidang tafsir Quran, qiraat, hadith dan cabang-cabangnya, usul al-din, fiqh, usul al-fiqh, akhlak dan tasawwuf, termasuk falsafahnya, serta pelbagai cabang dan disiplin ilmu, antaranya sebagaimana yang dihuraikan dalam '*al-Muqaddimah*' oleh 'Abd al-Rahman Ibn Khaldun. Menurut 'Uthman elMuhammady (2011), al-Baghdadi telah membahagikan Ahli Sunnah Wal Jamaah dalam kitabnya *al-Farqu Baina al-Firaq* kepada beberapa bahagian mengikut disiplin ilmu dalam epistemologi Ahli Sunnah Wal Jamaah seperti: Ilmu al-Kalam atau Usul al-Din, ilmu Tafsir Quran dan Qiraat, Ilmu Hadith dan cabang-cabangnya, Ilmu Fiqh dan ahli-ahlinya (termasuk usul al-fiqhnya), ilmu sastera dan nahu sarafnya, ilmu lughahnya, ilmu tasawwuf dan para ahlinya. Termasuk ke dalam golongan mereka itu orang awam yang mengikut panduan ulama Ahli Sunnah Wal Jamaah dan juga mereka yang menjaga sempadan negeri-negeri Ahli Sunnah Wal Jamaah.

Sebagai aliran yang bersifat *wasatiyyah*, iaitu bersifat pertengahan, sederhana dan seimbang, fahaman, pegangan dan amalan Ahli Sunnah Wal Jamaah dibina bermula daripada perkara dasar berteraskan teori ilmu, atau epistemologi bersumberkan falsafah ilmu yang terkandung dalam AlQur'an, Sunnah, dan ijma' ulama. Dalam hal ini, falsafah ilmu tersebut berpandukan kepada huraiyan para ulama Ahli Sunnah yang muktabar dalam bidang ini seperti Imam Abul Hasan al-Ash'ari, alMaturidi, al-Baghdadi, al-Baqillani, al-Nasafi, dan sebagainya.

Pemahaman ini mengikut landasan asal dan benar sebagaimana yang dibawa oleh Baginda Rasulullah SAW tanpa penyelewengan. Manhaj yang meraikan wahyu dan akal secara seimbang ini adalah sumber penting kepada sifat wasatiyyah yang merupakan nilai utama dalam Ahli Sunnah Wal Jamaah, berbanding aliran-aliran lain seperti Mu'tazilah, Qadariyyah, Jabariyyah, Khawarij, Batiniyyah, dan lain-lain aliran klasik. Qadariyyah dan kemudiannya Muktazilah umpamanya, memberi penekanan kepada pemahaman interpretif dan terbuka, atau lebih dekat disebut golongan rasionalis dalam kalangan ulama Kalam dalam memahami beberapa isu akidah dalam al-Qur'an dan Hadis, manakala golongan Hanabilah pula terkenal dengan penolakan terhadap penggunaan akal dalam memahami al-Qur'an dan Hadis (Ibrahim Abu Bakar 2008).

Justeru, dalam konteks Malaysia, kesinambungan pegangan terhadap akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah adalah penting bagi kelangsungan keamanan dan keharmonian dalam masyarakat yang berbilang kaum dan agama. Tanpa penegasan kepada kepentingan berpegang kepada manhaj yang wasatiyyah ini akan mendedahkan negara kepada ancaman pengaruh ideologi keganasan yang mendakwa membawa pembebasan namun sebaliknya membawa kehancuran umat Islam secara khusus dan kehidupan masyarakat beragama secara umum. Shaykh Abdullah bin Bayyah (2018a) dalam pendahuluan buku *al-Irhāb: al-Tashkhis wa al-Hulūl* (Terorisme: Diagnosis dan Penyelesaian) menegaskan bahawa cara untuk mencabut pohon keganasan adalah dengan menebang hingga ke hujung akarnya, supaya pohon toleransi dan kedamaian kemudiannya dapat ditanam dan tumbuh dengan subur. Ia seumpama idea yang kotor yang hanya dapat dibersihkan dengan idea yang baik, justeru beliau memetik ungkapan syair yang bermaksud: ‘Kayu busur yang kuat hanya tumbuh daripada akarnya, pohon kurma pula hanya tumbuh jika ditanam pada tempatnya.’ Akar ubri kepada lahirnya budaya keganasan adalah faktor ideologi, yang menurut Bin Bayyah dihidupkan semula pemikiran Khawarij dengan mengangkat slogan jihad. Mereka hanya menjadikan kumpulan mereka sebagai rujukan dalam mengeluarkan fatwa dan hukum berkenaan hal-hal yang besar seperti nyawa, harta dan maruah manusia, dan bukannya berdasarkan pandangan arus perdana ulama. Justeru ia adalah krisis pemikiran dan kekeliruan yang menimpa umat Islam akibat tidak memahami ajaran Islam yang sebenar, bersifat sempit dan tertutup, fanatik, dan tidak meraikan perbezaan pendapat, literalis, tidak memahami maqāsid, serta rosak neraca pertimbangan antara kebaikan dan keburukan. Dalam ucapan beliau semasa Forum Mempromosi Keamanan di Abu Dhabi pada 14 September 2014 yang berjudul ‘Keganasan Bukanlah Jalan ke Syurga’, Bin Bayyah (2018b) turut menekankan bahawa aspek pemikiran dan psikologi ini merupakan asas kepada keganasan yang dilakukan oleh DAESH (IS). Fitnah keganasan yang menghasilkan kebinasaan, kehancuran dan ketidaktereman ini membuktikan bagaimana golongan militan ini memiliki pemikiran yang sangat terpesong, berfatwa dengan fatwa yang ganjil, serta terlampau fanatik berpegang kepada pendapat yang ekstrem sehingga mengkafir, menyesat, memfasiq dan membidaahkan orang Islam lain dan meninggalkan penghormatan kepada nilai jiwa manusia, ketaatan kepada kerajaan sedia ada, apatah lagi penghormatan kepada kesatuan saf umat Islam.

## Kesimpulan

Justeru walaupun punca kuasa DAESH sudah semakin menurun akibat strategi berterusan oleh pihak antarabangsa namun keberadaan ideologi Salafi Jihadi dalam masyarakat Islam

menunjukkan ancaman pemikiran mereka masih wujud dan utuh. Sehubungan itu, pihak berkuasa dan institusi agama perlu mengambil sikap berhati-hati dan tegas terhadap penyebaran ideologi ekstrem seperti Salafi-Jihadi yang menjadi teras kepada pegangan golongan militan kerana ia adalah sumber utama kepada pemikiran ekstrem dan radikal. Pemantauan berterusan terhadap institusi-institusi pendidikan swasta yang mendapat tajaan luar negara perlu mengikut kurikulum yang disahkan oleh pihak keselamatan. Begitu juga pemantauan terhadap tenaga pengajar serta pelajar terutama dari luar negara perlu diberi perhatian yang berterusan agar Malaysia tidak menjadi pusat merekrut para militan tanpa disedari oleh pihak berkuasa. Kesiagaan masyarakat dan pihak berwajib dalam hal ini sangat penting bagi menangani cabaran perpaduan umat Islam di Malaysia, serta memastikan keharmonian masyarakat pelbagai kaum yang menjadi identiti negara terus hidup subur.

## Rujukan

- Bandura, Albert. 1982. Self-efficacy mechanism in human agency. *Journal of the American Psychological Association* (2): 122-147.
- Bandura, Albert. 1977. *Social Learning Theory*. USA: Prentice Hall, Englewood Cliffs.
- Hahn, Oliver. 2016. Islamist Propaganda and Internet Jihadism: Social Media Strategies and Hollywood-style Aesthetics Targeting at Global Youth Audiences. *Syaranan Profesor*, Fakulti Sains Kemanusiaan dan Kemasyarakatan, UKM pada 5 April 2016.
- Ibn Bayyah, 'Abd Allah. 2018a. *al-Irhab: al-Tashkhis wa al-Hulul* (Terorisme: Diagnosis dan Penyelesaian). Terj. Ahmad Naqiuddin. Kuala Lumpur: Ilham Books.
- Ibn Bayyah, 'Abd Allah. 2018b. *Keganasan Bukanlah Jalan ke Syurga: Respon terhadap ISIS*. Terj. Ahmad Naqiuddin. Kuala Lumpur: Ilham Books.
- Ibrahim Abu Bakar. 2008. *Tradisionalisme dan Rasionalisme dalam Ilmu Kalam*. Bangi: Fakulti Pengajian Islam.
- Irshaid, Faisal. 2 Disember 2015. ISIS, ISIL, IS or DAESH? One group, many names. *BBC Monitoring*. (<http://www.bbc.com/news/world-middle-east-27994277>)
- Maher, Shiraz. 2016. *Salafi-Jihadism: The History of an Idea*. Oxford: Oxford University Press.
- Maskaliūnaitè, Asta. Exploring the theories of radicalization. *International Studies Interdisciplinary Political and Cultural Journal* 17(1): 9-26.
- Muhammad 'Uthman El-Muhammady, 2011. *Ahli Sunnah Wal Jamaah Penyerapan Unsur-Unsur Akidah yang Mengelirukan dalam Masyarakat Islam di Malaysia*. Johor: Majlis Agama Islam Negeri Johor.
- Osman Bakar. 1998. *Classification Of Knowledge In Islam A Study In Islamic Philosophies Of Science*. Cambridge: The Islamic Texts Society.
- Rogio, Bill. 2014. *ISIS announces formation of Caliphate, rebrands as 'Islamic State'*. ([http://www.longwarjournal.org/archives/2014/06/isisannouncesformation\\_of\\_ca.php](http://www.longwarjournal.org/archives/2014/06/isisannouncesformation_of_ca.php)).
- Sazali Sukardi. 2016. Seminar Perkongsian Amalan Terbaik Penyelidikan Agama dan Pemikiran KUIS–UKM.
- Schmid, A. P. 2011. *Contours of Conflict in the 21st Century.: A Cross-Language Analysis of Arabic, Chinese, English and Russian Perspectives on the Future Nature of Conflict*. The Netherlands: The Hague Centre for Strategic Studies (HCSS).
- Schmid, A. P. 2015. The Need for Counter and Alternative Narratives for a Comprehensive Strategy to Effectively Combat ISIS Propaganda. *Syaranan Profesor anjuran Global Movement of Moderates Foundation (GMMF)* dengan kerjasama Southeast Asia Regional Centre for Counter-Terrorism (SEARCCT), International Institute of Advance Islamic Studies (IAIS), Institute of Diplomacy and Foreign Relations (IDFR) dan Foreign Policy Study Group (FPSG) bertarikh 27 Oktober 2015.
- Wan Zakaria, Wan Fariza Alyati. 2010. Futures studies in contemporary Islamic and Western thought: a critical study of the works of Ziauddin Sardar, Mahdi Elmandjra, Alvin Toffler and Daniel Bell. Ph.D.thesis. University of Birmingham.<http://etheses.bham.ac.uk/882/>.